**PRASARANA MALAYSIA BERHAD**
**(Company No. 467220-U)**
***(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)***

Prasarana Malaysia Berhad ("**Prasarana**") adalah sebuah syarikat milik penuh Kerajaan yang ditubuhkan bagi melancarkan, melaksanakan dan mempercepatkan projek infrastruktur awam yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Prasarana dan syarikat kumpulannya merupakan pemilik aset dan pengendali perkhidmatan LRT Laluan Ampang, Laluan Sri Petaling, Laluan Kelana Jaya, KL Monorail dan rangkaian bas di Lembah Klang, Pulau Pinang, Kuantan, Kamunting serta Bus Rapid Transit ("BRT") Laluan Sunway dan terkini telah dilantik sebagai pengendali Mass Rapid Transit ("MRT") Jajaran Sungai Buloh-Kajang ("SBK").

# PELAWAAN UNTUK MENGEMUKAKAN CADANGAN "REQUEST FOR PROPOSAL" ("RFP")

1. Semua Syarikat/Organisasi/Pemaju yang berkelayakan dan mempunyai pengalaman berkaitan adalah dipelawa untuk mengemukakan cadangan bagi projek berikut:

| NO. RFP | TAJUK RFP | KELAYAKAN PENDAFTARAN | TEMPAT & TARIKH MULA PENJUALAN DOKUMEN RFP | HARGA DOKUMEN RFP, BENTUK PEMBAYARAN DAN BAYARAN KEPADA | TEMPAT SERAHAN & TARIKH TUTUP RFP |
|---|---|---|---|---|---|
| **PRASARANA/ GPD/CNS(E)/3 47/966/2020** | **"PROPOSED DEVELOPMENT OF EX-RAPID KL BUS DEPOT AT LOT 1349, LOT 14410, AND LOT 14411, MUKIM SETAPAK, DAERAH KUALA LUMPUR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR"** | 1. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan/atau<br>2. Berdaftar dengan REHDA dan/atau<br>3. Lesen Pemaju Perumahan yang masih sah dengan Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan | Jabatan Perolehan Kumpulan, Prasarana Malaysia Berhad, Aras 3, Kompleks Rapid Rail Subang, No.1 Jalan PJU 1A/46, Off Jalan Lapangan Terbang Subang, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan<br>**18 September 2020 (Jumaat)**<br>hingga<br>**25 September 2020 (Jumaat)**<br>dari jam<br>**9.00 pagi** hingga **5.00 petang**<br>**Pada waktu pejabat (kecuali Cuti Umum,Sabtu & Ahad)** | **RM400.00 (Ringgit Malaysia Empat Ratus Sahaja)**<br>(tidak dipulangkan)<br>**dalam bentuk**<br>'Bank Draft' atau 'Banker's Cheque'<br>**pembayaran kepada**<br>Prasarana Malaysia Berhad | Jabatan Perolehan Kumpulan, Prasarana Malaysia Berhad, Aras 3, Kompleks Rapid Rail Subang, No.1 Jalan PJU 1A/46, Off Jalan Lapangan Terbang Subang, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan<br>pada<br>**16 Oktober 2020 (Jumaat)**<br>sebelum<br>**12.00 tengahari** |

2. Semua Syarikat/Organisasi/Pemaju yang berminat akan **mempunyai kelebihan** sekiranya memenuhi kriteria sepertimana berikut:
   i) Mempunyai pengalaman mengendalikan dan menyiapkan projek pembangunan hartanah dengan GDV bernilai sekurang-kurangnya **Ringgit Malaysia Tiga Ratus Juta (RM300,000,000.00)** bagi satu (1) projek dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas.
   ii) Mempunyai rekod kewangan yang kukuh dan mempunyai jaminan kredit yang diiktiraf bagi menyokong pembiayaan projek.
   iii) Mempunyai rekod pencapaian atau pernah menerima/memenangi apa-apa anugerah kecemerlangan daripada badan atau institusi yang diiktiraf dalam projek pembangunan yang pernah disempurnakan

3. Syarikat/Organisasi/Pemaju adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak, sepertimana di bawah:-

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | **17 September 2020, Khamis** |
| **Masa** | : | **10.30 pagi** |
| **Tempat** | : | **Depoh Bas Sentul, Lot 1349, Lot 14410 and Lot 14411, Mukim Setapak, Daerah Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.** |
| **Nota** | : | **i. Syarikat/Organisasi/Pemaju yang berminat dinasihatkan menghantar wakil yang mempunyai pengetahuan mengenai RFP & Kontrak bagi kerja yang dimaksudkan serta diberi hak kuasa mewakili oleh pihak syarikat.**<br>**ii. Mematuhi *Standard Operating Procedure* (COVID-19) yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) and Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana).** |

4. Dokumen RFP akan dipamerkan semasa sesi taklimat dan **hanya dijual** kepada Syarikat/Organisasi/Pemaju yang menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak. Prasarana TIDAK akan melayan sebarang permintaan pembelian RFP Dokumen sebelum dan/atau selepas dari tarikh yang tertera.

5. Dokumen RFP hanya akan dijual kepada wakil Syarikat/Organisasi/Pemaju yang sah ("bona fide"). Untuk tujuan tersebut, wakil-wakil Syarikat/Organisasi/Pemaju **DIWAJIBKAN** membawa **surat pengesahan** sebagai wakil dari Syarikat/Organisasi/Pemaju bersama **sijil ASAL Borang 9, Borang 24, Borang 49 dan/atau sijil pendaftaran dengan REHDA dan/atau sijil pendaftaran dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan beserta SALINAN sijil Yang Telah Disahkan / "Certified True Copy'' oleh Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A**.

6. Syarikat/Organisasi/Pemaju adalah diperingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dlm JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005].

7. Sebarang pertanyaan mengenai RFP di atas boleh diajukan kepada Jabatan Perolehan Kumpulan, Prasarana di talian 603-7650 7788 sambungan 1522/1538 atau email kepada **mfauzi@prasarana.com.my**. Maklumat lanjut mengenai iklan ini atau profil Kumpulan Prasarana boleh dilayari di laman web kami **www.myrapid.com.my**.